

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 JAN 2015

# Langkah awal hadapi segala kemungkinan

» **Tangguh cadangan kenaikan tarif elektrik antara langkah proaktif**

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Mahanum Abd Aziz  
bhnews@bh.com.my

► Putrajaya

**D**atuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan beberapa langkah proaktif untuk memastikan negara terus mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan diyakini.

Langkah awal itu sebagai persediaan menghadapi unjuran ekonomi global yang semakin suram, kesan penurunan harga minyak mentah dan aliran modal yang tidak menentu ketika ini.

Untuk tujuan itu, Perdana Menteri dalam satu perutusan khas semalam, mengumumkan tiga strategi bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara berada dalam landasan yang kukuh.

Strategi itu adalah memastikan pertumbuhan ekonomi yang seimbang, inklusif dan mapan; meneruskan reformasi dan pengukuhan fiskal; menyediakan bantuan kepada rakyat serta peniaga bagi membina semula infrastruktur terjejas akibat banjir.

Selaras strategi itu, Najib berkata, kerajaan yakin Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara akan berkembang pada kadar antara 4.5 hingga 5.5 peratus pada tahun ini, lebih acaun semasa dan nilai ringgit akan kembali ke paras yang mencerminkan asas ekonomi yang kukuh.

"Kita bukan di dalam keadaan gawat atau krisis, seperti mana pada tahun 1997 dan 1998, bahkan tidak juga seperti tahun 2009, sehingga memer-

## Unjuran 2015

- ⊙ KDNK **berkembang 4.5 - 5.5** peratus.
- ⊙ Acaun semasa **kekal dalam lebihan**.
- ⊙ **Kadar tukaran ringgit kembali ke paras** yang menggambarkan asas ekonomi yang kukuh.
- ⊙ **Defisit fiskal 3.2 peratus** nilai KDNK.
- ⊙ Perbelanjaan pembangunan bagi 2015 kekal, namun perbelanjaan **mengurus dijangka dikurangkan** sebanyak RM5.5 bilion.

lukan pakej rangsangan. "Strategi yang diumumkan (semalam) adalah langkah proaktif untuk melakukan penyesuaian berikutan faktor luaran yang di luar kawalan. Ini adalah satu *reality check*."

"Penurunan harga minyak memerlukan unjuran fiskal yang digariskan dalam Bajet 2015 disemak semula, iaitu jangkakan pengurangan hasil (kerajaan) sebanyak RM13.8 bilion (berdasarkan harga minyak mentah AS\$55 setong).

"Tanpa sebarang langkah fiskal, defisit negara boleh meningkat kepada 3.9 peratus daripada KDNK," kata Perdana Menteri.

**Semak sasaran defisit 2015**  
Susulan perkara di luar jangka itu, Malaysia menyemak semula sasaran defisit bagi 2015 kepada 3.2 peratus berbanding 3.0 peratus dalam Bajet 2015. Namun begitu, angka itu adalah lebih rendah berbanding 3.5 peratus pada 2014.

Dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang seimbang, inklusif dan mapan, Perdana Menteri berkata eksport barangan dan perkhidmatan akan diperhebatkan, antaranya menerusi promosi perkhidmatan gantian-import bagi kurang bergantung kepada sumber luar, pelaksanaan cadangan Majlis Eksport Nasional.

Penambahbaikan hubungan akhir ke Pelabuhan Klang dan terminal kereta api Padang Besar, mempergiatkan keseluruhan industri pelancongan negara, kajian semula kadar levi pekerja asing dan visa percuma kepada pelancong antaranya dari China.

Untuk tujuan sama juga, ke-

rajaan, katanya, akan meningkatkan pelaburan swasta dengan menubuhkan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan berjumlah RM5 bilion bagi PKS, menggalakkan GLC dan GLIC melabur dalam negara, penangguhan cadangan kenaikan tarif elektrik dan mempergiat penggunaan bahan, barangan serta perkhidmatan tempatan.


Selain itu, Najib berkata, kerajaan meneruskan pembaharuan dan pengukuhan fiskal dengan meluaskan asas percukaian, meningkatkan kutipan dividen GLC dan GLIC serta badan kerajaan yang lain yang dapat menyumbang tambahan hasil RM400 juta.

Bagi merasionalisasikan perbelanjaan pula, kerajaan menasaskan penjimatan RM400 juta dengan mengoptimalkan perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan, penganjuran majlis dan mesyuarat serta khidmat profesional; menaguhkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2015 (penjimatan RM400 juta).

## Kaji pemberian geran

Mengkaji semula pemberian geran kepada Badan Berkanun Persekutuan, GLC serta Tabung Amanah Kerajaan terutama yang mempunyai aliran pendapatan yang konsisten dan rizab yang tinggi (penjimatan RM3.2 bilion) dan penjadualan semula pembelian aset tidak kritikal seperti peralatan pejabat, perisian dan kenderaan (penjimatan RM300 juta).

Najib berkata, walaupun perbelanjaan mengurus kerajaan dikurangkan sebanyak RM5.5 bilion, namun perbelanjaan pembangunan yang



“Strategi yang diumumkan (semalam) adalah langkah proaktif untuk melakukan penyesuaian berikutan faktor luaran yang di luar kawalan. Ini adalah satu *reality check*”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

diperuntukkan dalam Bajet 2015 sebanyak RM48.5 bilion dikekalkan dan akan tetap dibelanjakan.

"Ini termasuklah, projek bersifat ekonomi rakyat, yakni perumahan rakyat, tebatan banjir, bekalan air, elektrik dan infrastruktur pengangkutan awam seperti Lebuhraya Pan Borneo.

"Di samping itu, projek MRT jajaran kedua, LRT3 dan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura dan RAPID Pengerang juga akan diteruskan," katanya.

Sementara itu, bencana banjir yang melanda negara baru-baru ini membabitkan sekitar 400,000 mangsa di seluruh negara dengan anggaran kemusnahan infrastruktur, mencecah hampir RM2.9 bilion.

Susulan itu, strategi ketiga yang diumumkan Perdana Menteri adalah penyediaan bantuan kepada rakyat dan komuniti perniagaan serta membina semula infrastruktur yang terjejas akibat bencana berkecuali yang mana membabitkan bantuan kewangan, kemudahan kredit dan pembinaan rumah serta prasarana.